

21/04/1997

Segera bincang nasib pekerja kenderaan Mara

KUALA LUMPUR, Ahad - Cuepacs meminta Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad menyegerakan pertemuan dengan berhubung nasib lebih 300 pekerja Bahagian Kenderaan Mara (KBM) di seluruh negara yang tidak pernah menikmati kenaikan gaji sejak 20 tahun lalu.

Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid, berkata satu pertemuan membabitkan wakil Mara, Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan Mara Malaysia Barat (KPPMMB) dan Cuepacs dengan Mustapa perlu disegerakan selepas menteri itu gagal memenuhi beberapa temujanji yang diatur sebelum ini.

"Sudah tiga atau empat kali (Mustapa) janji mahu berjumpa tetapi tak jadi," katanya ketika dihubungi hari ini.

Kali terakhir KPPMMB bertemu dengan Mustapa ialah pada 15 Januari lalu yang turut disertai wakil Cuepacs.

Mustapa pernah berkata, isu itu akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan kementerian selain membayangkan mahu mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika perlu.

Mohamad berkata, walaupun sebahagian besar pekerja terbabit sudah berhenti dan bersara tetapi kongres itu mahu pihak pengurusan Mara membayar semua tunggakan terbabit.

Setakat ini, 65 pekerja terbabit masih bekerja dengan KBM di Kedah, Pahang dan Melaka.

Katanya, pekerja terbabit adalah pemandu dan konduktor bas yang sebelum ini masing-masing tertakluk kepada skim gaji D19-9 RM200xRM10-RM240 (kenaikan RM10) dan RM160xRM5-RM190 (kenaikan RM5) yang berkuatkuasa sejak 1975.

Kemudian, melalui Laporan Gaji Kabinet 1977, gaji pemandu naik RM390 (maksimum) manakala konduktor RM360 dan kadar gaji itu kekal sehingga sekarang.

"Cuepacs hanya mahu kerajaan menyelaraskan gaji mereka yang ketika ini hanya kira-kira RM390 sebulan sedangkan pekerja yang menerima opsyen SSB memperoleh kira-kira RM640," kata Mohamad.

(END)